

PENJAGAAN SOSIAL DALAM KALANGAN BELIA

Nur Saadah Mohamad Aun

Penjagaan sosial dilihat menjadi semakin penting. Hal ini mempunyai hubungan dengan perubahan semasa yang berlaku kepada struktur sosial amnya dan keluarga khususnya. Kesan daripada perubahan ini membawa kepada tekanan dalam kehidupan seperti masalah kewangan dan emosi. Lantas, apabila berlakunya tekanan, strategi daya tindak yang bagaimanakah akan digunakan bagi mengatasi tekanan? Justeru, bab ini akan membincangkan isu penjagaan sosial dalam kalangan belia di Malaysia.

PENJAGAAN SOSIAL

Penjagaan adalah tugas khusus yang dilakukan oleh individu yang menjaga individu lain yang sakit. Individu yang menjaga orang sakit ini diperlukan bagi memastikan kesejahteraan hidup individu yang dijaga berada pada tahap memuaskan. Kesejahteraan hidup individu yang dijaga merangkumi kesejahteraan fizikal, batin dan persekitaran (Engster, 2005; Tronto, 1993). Perkhidmatan penjagaan sosial dalam sesebuah sistem kebajikan sosial lazimnya boleh dikelompokkan kepada tiga jenis utama iaitu (Fine, 2007):

- a) Penjagaan sosial formal.
- b) Penjagaan sosial tidak formal.
- c) Penjagaan sosial bersepadu/integratif.

Sistem penjagaan sosial formal lazimnya berkaitan dengan penjagaan berasas institusi yang dikendalikan, dibiayai, disediakan dan disampaikan oleh sektor awam, persendirian dan sukarela yang kebiasaannya melibatkan penjaga profesional terlatih (Timonen, 2009; UNICEF, 2009; Walker *et al.*, 1995) iaitu melibatkan penjagaan luar daripada persekitaran rumah atau keluarga (Viitanen, 2007). Manakala, sistem penjagaan sosial tidak

formal adalah sistem perkhidmatan yang dibiayai, disedia dan diurus oleh komuniti, rakan-rakan, kawasan kejiranan atau rukun tetangga, ahli keluarga dan persekitaran sosial yang berdekatan (Siti Hajar, 2007; Spicker, 1995). Ia melibatkan penjagaan di rumah dan bukannya di institusi. Fokus utama penjagaan ini adalah sokongan sosial terhadap penerima penjagaan dan penjaga tidak formal yang lazimnya merupakan ahli keluarga penerima penjagaan. Sistem penjagaan sosial bersepadu pula dilihat lebih kompleks kerana ia membabitkan integrasi antara penjagaan formal dan tidak formal. Pertindihan tanggungjawab penjagaan dalam sistem penjagaan sosial formal dan tidak formal membawa kepada perkembangan sistem ini (Timonen, 2009). Sistem penjagaan sosial bersepadu mengambil kira perubahan sosial yang mempengaruhi perkhidmatan penjagaan. Antara aspek perubahan sosial yang dipertimbangkan adalah dinamika perubahan dalam unit keluarga, struktur penduduk dan pola pekerjaan yang menyebabkan integrasi antara penjagaan formal dan tidak formal relevan. Integrasi ini boleh dianggap sebagai satu kaedah kebajikan campuran (*mix welfare*) yang mana ia melibatkan sektor-sektor dalam kebajikan sosial iaitu persendirian, sukarela dan keluarga (Siti Hajar, 2007).

TEKANAN PENJAGAAN SOSIAL DALAM KALANGAN BELIA

Ramai sarjana yang mengkaji dan menulis tentang isu penjagaan sosial. Namun, perbincangan yang menjurus kepada golongan belia yang terlibat dalam penjagaan ini sangat kurang. Penjagaan sosial dalam kalangan belia ini boleh dikategorikan sebagai penjagaan sosial tidak formal kerana melibatkan penjagaan di rumah sama ada oleh rakan-rakan atau ahli keluarga seperti yang dibincangkan sebelum ini. Ahli keluarga di sini boleh jadi anak, abang, adik mahu pun kakak dan mereka ini boleh jadi daripada golongan belia. Golongan belia adalah golongan yang aktif di mana pada usia inilah mereka akan mula bekerja dan membina keluarga. Namun, bagaimana pula sekiranya hal ini tidak berlaku? Belia ini tidak boleh bekerja dan tidak dapat membina keluarga yang diimpikan kerana perlu menjaga ahli keluarga mereka yang sakit seperti ibu, bapa atau adik-beradik lain. Walaupun tiada statistik yang menunjukkan golongan belia terlibat dalam penjagaan namun, hal ini tetap boleh menjejaskan kehidupan sosial belia dari segi tekanan kewangan dan emosi.